



3 Sejarah Pembayaran

Rekod pembayaran hutang terdahulu atau semasa akan dinilai untuk mengetahui perilaku anda sebagai seorang pembayar. Jika anda mempunyai rekod yang tidak memuaskan maka peluang untuk mendapat pinjaman baharu mungkin tipis

NISBAH HUTANG KEPADA PENDAPATAN

Nisbah hutang kepada pendapatan menunjukkan jumlah pembayaran balik bulanan semua pinjaman berbanding dengan jumlah pendapatan bersih bulanan anda. Nisbah yang tinggi menunjukkan seseorang itu tidak mempunyai wang yang cukup untuk menampung perbelanjaan bulannya.

Sebagai panduan am, jumlah pembayaran balik bulanan bagi semua pinjaman termasuk hutang kad kredit tidak boleh melebihi 40% daripada pendapatan bersih anda

Kita lihat contoh kiraan nisbah hutang kepada pendapatan dengan melihat kedudukan kewangan Encik Daud:

Pendapatan bulanan Encik Daud ialah **RM3,800**. Jumlah pembayaran balik bulanan pinjaman rumah, sewa beli kereta dan kad kredit ialah **RM2,128**.

Nisbah hutang kepada pendapatan = $\frac{\text{Pembayaran balik bulanan}}{\text{Pendapatan bersih}}$

$$= \frac{\text{RM2,128}}{\text{RM3,800}} \times 100\%$$

$$= 56\%$$

